

Complex FC ungguli Jemputan UMSKAL

NST 30.12.2017 15

OLEH JAINUDIN DJIMIN

LABUAN: Penantian selama empat tahun Complex FC untuk menjadi juara Karnival Bola Sepak Jemputan UMSKAL berakhir setelah menewaskan LLPM FC 1-0 pada perlawanan akhir yang diadakan di Padang Dataran Labuan, pada malam Rabu.

Dengan kemenangan itu, pasukan Complex FC membawa pulang hadiah wang tunai RM2,000, manakala LLPM FC yang terpaksa berpuas hati bergelar naib juara membawa pulang hadiah wang tunai RM1,000.

Pengurus pasukan Complex FC, Md. Syamsul Hairie Datuk Yunus berkata, kali terakhir mereka melangkah ke perlawanan akhir adalah pada 2013 untuk bergelar naib juara.

"Setelah sekian lama menunggu dan menjalankan persiapan dengan menyertai pelbagai kejohanan di Labuan dan Kota Kinabalu akhirnya kami berjaya menjadi juara malam ini. Ini adalah kejuaraan kelima untuk Complex FC sepanjang menyertai pelbagai kejohanan pada tahun ini," katanya.

Sementara itu, Pengurus Pasukan LLPM FC, Dul Alias berkata, faktor cuaca dan

keadaan padang sedikit menjelaskan permainan anak buahnya.

"Perlawanan agak seimbang dan LLPM juga mempunyai beberapa peluang cuma gagal menjaringkan gol."

"Sekiranya cuaca baik mungkin kedua-dua pasukan boleh beraksi dengan lebih baik dan keputusan malam ini mungkin berbeza," jelasnya.

Tempat ketiga disandang oleh pasukan Labuan Academy yang menewaskan UMSKAL untuk memenangi hadiah wang tunai RM800.

Menurut Pengarah Program Karnival Bola Sepak Jemputan UMSKAL, Asrul Mahmudin, kejohanan jemputan yang bermula pada November lalu berjaya menghim-punkan 20 pasukan terbaik seluruh Labuan.

Katanya, kejohanan yang menggunakan format liga itu bertujuan mengeratkan hubungan UMSKAL dengan komuniti bola sepak tempatan disamping meningkatkan mutu sukan paling popular itu di Labuan.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan oleh Timbalan Pendaftar Kanan, Zamri Haji Mohamad Tuah yang mewakili Pengarah UMSKAL, Proffesor Madya Dr Murnizam Haji Halik.



JUARA...pasukan Complex FC bergambar kenangan semasa sesi penyampaian hadiah.